

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL
[TENOM]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan tahap sistem komunikasi dan capaian internet khususnya di daerah-daerah pedalaman di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memberikan tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar termasuk di Sabah.

Di bawah pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Ogos 2020 lalu, penambahbaikan infrastruktur digital yang dilaksanakan secara berfasa akan memberikan kualiti pengalaman yang sama rata antara kawasan bandar dan luar bandar.

Sasaran fasa pertama yang kini telah bermula sehingga tahun 2022 ialah :

- a. penambahan daripada 4.95 juta premis kepada 7.50 juta premis mendapat akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit;
- b. perluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 96.9% di kawasan yang berpenduduk; serta
- c. mempertingkatkan kelajuan purata jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps.

Di negeri Sabah, untuk meluaskan rangkaian gentian optik, sebanyak 190,115 premis akan disediakan akses kepada perkhidmatan jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit. Untuk perkhidmatan jalur lebar mudah alih pula, sejumlah 425 menara baharu akan dibina, manakala sebanyak 2,202 alat pemancar komunikasi sedia ada akan dinaik taraf kepada teknologi 4G.

Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.